

LAPORAN TAHUNAN YATIM 2019



YAYASAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM MALAYSIA

KANDUNGAN

- **MAKLUMAT KORPORAT**
- **STRUKTUR ORGANISASI**
- **LAPORAN PENERUS**
- **LAPORAN TAHUNAN YATIM 2019**

MAKLUMAT KORPORAT

<i>Nama</i>	YAYASAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM MALAYSIA (YATIM)
<i>Diperbadankan</i>	3 APRIL 1992 (NO.237327-P) SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN
<i>Pelancaran</i>	18 FEBRUARI 1994
<i>No. Pengecualian Cukai Pendapatan</i>	LHDN 01/35/42/51/179-6.4041
<i>Setiausaha Syarikat</i>	MASSA ASSOCIATES SDN. BHD.
<i>Auditor</i>	WKC & CO.
<i>Pejabat Operasi</i>	NO. 85B, TINGKAT 2, JALAN AMINUDDIN BAKI, TAMAN TUN DR. ISMAIL, 60000 KUALA LUMPUR.
<i>Tel</i>	603-7732 5989
<i>Laman Sesawang</i>	www.yatimmalaysia.org
<i>Emel</i>	yatimmalaysia@gmail.com
<i>FB</i>	www.facebook.com/yatimmalaysia

STRUKTUR ORGANISASI

<i>Penaung</i> TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD	<i>Pengerusi</i> <i>Lembaga Pemegang Amanah</i> DATO' AHMAD SEBI BAKAR	<i>Timbalan Pengerusi</i> <i>Lembaga Pemegang Amanah</i> ABDUL AZIM MOHD ARAS	<i>Ahli</i> <i>Lembaga Pemegang Amanah</i> DATUK A. KADIR JASIN DATO' LIM POH HO LIM HONG LIANG
<i>Penasihat</i> TUN DAIM ZAINUDDIN			
<i>Lembaga Eksekutif Dana Pelaburan</i> LIM HONG LIANG (Pengerusi) ABDUL AZIM MOHD ARAS DATO' LIM POH HO OH HOCK LYE	<i>Lembaga Eksekutif Akademik</i> TAN SRI PROF. DR. SAHOL HAMID (Pengerusi) ABDUL AZIM MOHD ARAS AZRAN ABDUL RAHMAN SALEHUDDIN OSMAN	<i>Lembaga Eksekutif Pembangunan & Perancangan</i> DATUK A. KADIR JASIN (Pengerusi) DATUK CHAMIL WARIYA AZRAN ABDUL RAHMAN	
<i>Lembaga Eksekutif Pengurusan & Pentadbiran</i> ABDUL AZIM MOHD ARAS (Pengerusi) AZRAN ABDUL RAHMAN AHMAYUDDIN AHMAD DATUK CHAMIL WARIYA RALI MD. NOR MOHAMAD RAMADHAN OTHMAN MOHAMED AZMI MOHAMED RASHEED KHAN SALEHUDDIN OSMAN KYRA AQILAH JAMAL	<i>Lembaga Eksekutif Kebajikan</i> RASANUBARI ASMARAMAH (Pengerusi) KYRA AQILAH JAMAL		

LAPORAN PENERUS

YATIM (Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Malaysia), sejak dilancarkan pada tahun 1992 telah berjaya melaksanakan sebanyak 1,115 program membabitkan penyertaan seramai 75,000 peserta. Dalam tempoh tersebut, 28 tahun, YATIM telah membelanjakan sebanyak RM10,000,000. Purata perbelanjaan setahun semenjak ditubuhkan adalah RM357,142, manakala purata perbelanjaan untuk 1 program adalah RM8,968 dan kos purata perbelanjaan untuk seorang peserta pula RM133 seorang.



YATIM memperoleh pendapatan berjumlah RM323,771 pada tahun 2019 berbanding RM704,917 bagi tahun kewangan 2018; manakala tahun kewangan 2019, YATIM telah membelanjakan RM554,669 berbanding RM759,084 bagi tahun kewangan 2018. Dengan perbelanjaan berjumlah RM554,669, YATIM telah berjaya melaksanakan 77 program sepanjang tahun 2019 daripada 66 program yang dirancang. Pada 2019 juga, YATIM masih mendapat kepercayaan Lembaga Zakat Selangor untuk mengendalikan 9 program Kursus Pemantapan Diri (KPD) bagi membantu membangunkan potensi diri anak-anak asnaf di Selangor.

YATIM akan terus kekal dinamik pada tahun 2020. Program-program terus disuntik dengan pendekatan-pendekatan terbaru dan dinilai secara berterusan untuk memastikan keberkesannya. Rakan-rakan baru akan terus dicari agar rangkaian jaringan akan terus berkembang. Mereka ini sudah tentu dapat menyumbang dan seterusnya membantu YATIM menjayakan matlamat murninya dalam memberikan anak-anak yatim ini hala tuju, keyakinan dan harapan masa depan bagi melahirkan insan berkeperibadian luhur.

Kemajuan teknologi terkini telah diteroka untuk mencerna idea-idea baru yang boleh diserap dan diguna pakai dalam program-program YATIM. Laman web YATIM juga telah dikemaskini dengan representasi yang lebih menarik. Ini bagi membolehkan sesiapa sahaja termasuk badan-badan korporat, terutama anak-anak yatim mudah berinteraksi dan memanfaatkan laman web berkenaan. Selain itu laman-laman media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Youtube* juga telah dimanfaatkan untuk tujuan ini agar kekal relevan dalam realiti baharu. Langkah untuk meningkatkan keberkesanan media sosial akan dipertingkatkan pada tahun 2020.

Akhir sekali, YATIM merakamkan ucapan penghargaan kepada para sukarelawan, semua agensi dan institusi yang telah menyokong YATIM dalam melaksanakan programnya. Sokongan pelbagai pihak adalah penting untuk YATIM meneruskan momentum pelaksanaan program-programnya. Kita berharap YATIM akan kekal dinamik dalam melaksanakan kegiatan-kegiatannya dan menampakkan kewujudan YATIM bagi manfaat anak-anak yatim di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ahmad Sebi Bakar'.

DATO' AHMAD SEBI BAKAR
Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YATIM




LAPORAN TAHUNAN YATIM 2019

1.0 Pendahuluan

YATIM memperoleh pendapatan berjumlah RM323,771 pada tahun 2019 berbanding RM704,917 bagi tahun kewangan 2018. Manakala tahun kewangan 2019, YATIM telah membelanjakan RM554,669 berbanding RM759,084 bagi tahun kewangan 2018. Dengan perbelanjaan berjumlah RM554,669, YATIM telah berjaya melaksanakan 77 program sepanjang tahun 2019 daripada 66 program yang dirancang. Pada 2019 juga, YATIM masih mendapat kepercayaan Lembaga Zakat Selangor untuk mengendalikan 9 program, iaitu Kursus Pemantapan Diri (KPD) bagi membantu membangunkan potensi diri anak-anak asnaf di Selangor.

TAHUN	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Pendapatan	360,539	475,391	296,001	262,142	341,756	704,917	323,771
Perbelanjaan Program	292,126	432,453	378,504	399,475	469,958	759,084	554,669
Lebihan/(Defisit)	68,413	42,938	(82,503)	(137,333)	(128,202)	(54,167)	(230,898)
Penyusutan Pelaburan	-	-	-	-	-	-	(5,191,112)
Jumlah Lebihan/(Defisit)	-	-	-	-	-	-	(5,422,010)



Pada tahun 2019 juga, setelah dicadangkan oleh Lembaga Pemegang Amanah, YATIM telah menyusun semula kedudukan pelaburannya. Langkah ini adalah perlu setelah menyaksikan suasana pelaburan dalam negara yang suram belakangan ini, dan diharapkan penyusunan semula pelaburan dapat menghasilkan pulangan yang lebih baik.

Nilai semasa pelaburan YATIM telah menyusut sebanyak RM5,191,112 pada tahun kewangan 2019. Nilai pegangan saham yang terbabit ialah *ASM Shariah Mid-Cap Fund* (Amanah Saham MARA), Amanah Saham Darul Iman (Terengganu), *AM Iktikal* dan *AM Total Return (Arab Malaysian)*. Perlu ditegaskan bahawa jumlah ini adalah penyusutan nilai pelaburan terkumpul yang ditanggung dari penyusunan semula pelaburan YATIM yang dibuat sejak 1994, iaitu 28 tahun dahulu. Walaupun begitu, hingga ke hari ini kedudukan kewangan YATIM masih stabil.

2.0 Pengurusan dan Pentadbiran

Kakitangan YATIM kekal 4 orang pada tahun 2019. Mesyuarat LEPP telah diadakan sebanyak tiga kali, iaitu pada 4 April 2019, 5 September 2019 dan 12 Disember 2019. Encik Abdul Azim Mohd Aras, Timbalan Pengerusi YATIM telah mempengerusikan dua Mesyuarat LEPP, manakala Encik Azran Abdul Rahman pula mempengerusikan mesyuarat yang diadakan pada 5 September 2019.



En. Azran Abdul Rahman mempengerusikan Mesyuarat LEPP pada 5 September 2019

LEMBAGA EKSEKUTIF PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN YAYASAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM MALAYSIA (YATIM) 2019

PENGERUSI
Abdul Azim Mohd Aras


AHLI-AHLI
Azran Abdul Rahman
Ahmayuddin Ahmad
Datuk Chamil Wariya
Rali Md. Nor
Mohamad Ramadhan Othman
Mohamed Azmi Mohamed Rasheed Khan
Salehuddin Osman
Kyra Aqilah Jamal

3.0 Program dan Aktiviti YATIM

YATIM berjaya melaksanakan 77 program sepanjang tahun 2019 daripada 66 program yang dirancang. Pada 2019 juga, YATIM masih mendapat kepercayaan Lembaga Zakat Selangor untuk mengendalikan 9 program, iaitu Kursus Pemantapan Diri (KPD) bagi membantu membangunkan potensi diri anak-anak asnaf di Selangor.

TAHUN	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Program Dirancang	64	71	60	60	60	60	66
Program Dilaksana	54	48	65	54	67	64	77

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM



NEGERI	OYES	ENGLISH	ALUMNI REUNION	LEMBAGA ZAKAT SELANGOR	UPSR RAUB	ELITE	LEAD	HOPE	MANDARIN KOMUNIKASI	OYES SEMPORNA SABAH	LATIHAN FASILITATOR	JUMLAH	
												PROGRAM	PESERTA
SELANGOR	6			9		1		1	22		1	42	1,452
MELAKA	6											6	236
N. SEMBILAN	2											2	87
PAHANG	3				1							4	180
SARAWAK	2											2	80
K. LUMPUR	1	1	1				3				1	3	209
PERAK	3											3	116
SABAH	2							2		1	3	7	469
JOHOR	3											3	120
KEDAH	1											1	40
PULAU PINANG	1											1	40
JUMLAH	30	1	1	9	1	1	3	3	22	1	3	77	3,029



Peserta OYES – ALAM (Akademi Laut Malaysia) bergambar bersama jawatankuasa pelajar ALAM pada 8 Ogos 2019



Taklimat diberikan oleh juruteknik di UniKL MFI Bangi berkenaan teknologi penerbangan pada 19 Julai 2019



Para peserta asyik melihat replika Loji Penapisan Minyak di ALAM pada 8 Ogos 2019



Peserta tekun mendengar taklimat semasa lawatan di UniKL RMCP Ipoh pada 20 Jun 2019



Para peserta diberikan peluang dan pendedahan kepada teknik-teknik kimpalan di UniKL MFI pada 19 Julai 2019

3.1 Program Pendidikan

Sepanjang tahun 2019, YATIM telah melaksanakan 33 Program Pendidikan (*Low Impact Learning Program*) dengan jayanya. Seperti biasa kesemua program dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Malaya, Politeknik, Institusi-Institusi Kemahiran seluruh Malaysia serta badan-badan bukan kerajaan yang lain.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	KERJASAMA	PESERTA
1	Kem ELITE - Wilayah Persekutuan	19/4-21/4 2019	Kolej Kediaman Tuanku Bahiyah, Uni.Malaya	PPD - Gombak , Sentul & Bangsar	120
2	Pecutan Akhir UPSR 2019 Daerah Raub	8/6/2019	Masjid Sultan Abu Bakar, Raub	PPD Raub	60
BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	KERJASAMA	PESERTA
1	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	06/03/2019	Politeknik Merlimau, Melaka	PPD Melaka Tengah, Melaka	35
2	Seminar Pengajian Kemahiran OYEs!	07/03/2019	Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Melaka	PPD Alor Gajah, Melaka	41
3	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	13/03/2019	Politeknik Port Dickson, N.Sembilan	PPD Port Dickson, N.Sembilan	46
4	Seminar Pengajian Kemahiran OYEs!	02/04/2019	Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) Rembau, N.Sembilan	PPD Rembau, N.Sembilan	41
5	Seminar Pengajian Kemahiran OYEs!	09/04/2019	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Sepang, Selangor	PPD Sepang, Selangor	42
6	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	10/04/2019	Institut Kemahiran Belia Negara Peretak, H. Selangor, Selangor	PPD Hulu Selangor	37
7	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	24/06/2019	UniKL RCMP, Ipoh Perak	PPD Kinta Utara, Perak	36
8	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	25/06/2019	Kolej Profesional MARA Seri Iskandar (KPMISI), Perak	PPD Perak Tengah , Perak	40
9	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	26/06/2019	UniKL MIMET, Lumut Perak	PPD Manjung, Perak	80
10	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	27/06/2019	UniKL BMI, Gombak, Selangor	PPD Gombak & PPD Petaling Perdana	112
11	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	02/07/2019	Kolej Profesional MARA Bandar Melaka (KPMBM), Melaka	PPD Melaka Tengah, Melaka	40
12	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	03/07/2019	UniKL MICET, Melaka	PPD Tampin, N.Sembilan	40
13	Seminar Pengajian Kemahiran OYEs!	09/07/2019	Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) Kuantan, Pahang	PPD Kuantan, Pahang	40
14	Seminar Pengajian Kemahiran OYEs!	10/07/2019	Institut Tan Sri Yahaya Ahmad (IKM TSYA), Pekan, Pahang	PPD Pekan, Pahang	40
15	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	11/07/2019	Institut Kemahiran Belia Negara Pekan, Pahang	PPD Pekan, Pahang	40
16	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	17/07/2019	Politeknik Shah Alam , Selangor	PPD Kuala Selangor, Selangor	40
17	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	18/07/2019	Universiti Selangor (UNISEL), Selangor	PPD Klang, Selangor	40
18	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	19/07/2019	UniKL MFI Bangi, Selangor	PPD Hulu Langat , Selangor	30
19	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	06/08/2019	Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Sabak Bernam, Selangor	PPD Sabak Bernam, Selangor	40
20	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	08/08/2019	Akademi Laut Malaysia (ALAM), Melaka	PPD Rembau, N.Sembilan	40
21	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	20/08/2019	Kolej Profesional MARA Bandar Ayer Molek (KPMBAM), Melaka	PPD Jasin, Melaka	40
22	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	27/08/2019	University College of Technology Sarawak (UCTS), Sibul, Sarawak	PPD Sibul, Sarawak	40
23	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	28/08/2019	Politeknik Kuching, Sarawak	PPD Kuching, Sarawak	40
24	Seminar Pengajian Kemahiran OYEs!	02/09/2019	Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) Ledang, Johor	PPD Tangkak, Johor	40
25	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	17/09/2019	UniKL MITEC Pasir Gudang, Johor	PPD Johor Bahru	40
26	Seminar Pengajian Kemahiran OYEs!	18/09/2019	Industri Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang, Johor	PPD Pasir Gudang , Johor	40
27	Seminar Pengajian Kemahiran OYEs!	25/09/2019	Institut Kemahiran Belia Negara Kinarut, Sabah	PPD Papar ,Sabah	40
28	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	26/09/2019	Politeknik Kota Kinabalu, Sabah	PPD Kota Kinabalu, Sabah	40
29	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	02/10/2019	UniKL MSI, Kulim, Kedah	PPD Kulim	40
30	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	03/10/2019	Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang	PPD Barat Daya	40
31	Seminar Pengajian Tinggi OYEs!	15-17/11/2019	SMK Jakarullah, Semporna	PPD Semporna	56



Peserta sentiasa fokus ketika mendengar taklimat di Politeknik Merlimau, Melaka pada 6 Mac 2019



Lawatan ke dapur masakan di IKBN Peretak pada 10 April 2019

3.2. Program Latihan Kesukarelawanan (*Training of Trainers*) - Fasilitator

YATIM melaksanakan 5 Program Bengkel Sukarelawan dan Fasilitator atau *Training of Trainers* yang membabitkan peserta dari Universiti Malaya, Universiti Malaysia Sabah dan Kolej Poly-Tech MARA dan dari pihak awam pada tahun 2019. Program ini adalah wajib bagi setiap sukarelawan yang berminat untuk membantu YATIM. Setiap fasilitator perlu menguasai kemahiran berkomunikasi, mengendalikan LDK, menyelesaikan masalah dan yang paling penting mempunyai nilai moral yang tinggi bagi memastikan setiap program yang dijalankan kaedah latihan yang ditetapkan oleh YATIM.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	KERJASAMA	PESERTA
1	Training of Trainers (TOT) UM	26-27/01/2019	Kolej Kediaman Tuanku Bahiyah, Uni. Malaya	Universiti Malaya	22
2	Training of Trainers (TOT) UMS	15-17/02/2019	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Universiti Malaysia Sabah	46
3	Training of Trainers (TOT) YATIM	19-21/04/2019	Kem Alang Manja, Gombak	Umum	17
4	Training of Trainers (TOT) UMS	27-29/09/2019	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Universiti Malaysia Sabah	50
5	Training of Trainers (TOT) KPTM Semporna	12-14/11/2019	KPTM Semporna, Sabah	KPTM Semporna Sabah	20



Sukarelawan baru dari Universiti Malaysia Sabah sedang mengikuti Program Latihan Fasilitator pada 15-17 Februari 2019



Para peserta Program Latihan Fasilitator membentangkan teknik peta minda pada 15-17 Februari 2019

3.3 Leadership Excellence Development Program 2019 - LEAD 6.0

Seperti tahun-tahun terdahulu, Program LEAD ini disasarkan kepada anak-anak yatim tingkatan empat yang bersekolah di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Berprestasi Tinggi (SBT). Matlamat program ini untuk mencerna dan melahirkan pemimpin dari kalangan anak-anak yatim. Program tahun 2019 adalah untuk *batch* yang ke-6. Sepanjang 2019, tiga siri program LEAD tingkatan 4 telah dilaksanakan. Perkembangan peserta program LEAD ini akan dipantau bagi membolehkan YATIM menilai hasil dan pembangunan potensi diri para peserta dari masa ke semasa.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	KERJASAMA	PESERTA
1	Kem LEAD 6.0 Siri 1	12-14/04/2019	Asia Camp, Kuala Kubu Bharu, Selangor	SBP K.L dan Selangor	23
2	Kem LEAD 6.0 Siri 2	12-14/07/2019	Kem Bina Semangat, Kuala Kubu Bharu, Selangor	SBP K.L dan Selangor	30
3	Kem LEAD 6.0 Siri 3	8-10/11/2019	Kem Warisan Sembilan Training Centre, Selangor	SBP K.L dan Selangor	39



Peserta LEAD 5 membentangkan projek dari bahan-bahan terbuang pada 12-14 Julai 2019



Peserta LEAD 5 gembira selepas membersihkan pantai melalui aktiviti khidmat sosial pada 8-10 November 2019



Aktiviti menaikkan menara kejayaan, salah satu pengisian Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dalam program yang diadakan pada 12-14 Julai 2019

3.4. Program HOPE - *Holistic Potential Enhancement Program Sabah* – 2019-2020

HOPE Sabah 2019-2020 adalah satu program jangka panjang selama 2 tahun yang dirangka khusus untuk anak-anak yatim tingkatan 4 sekolah harian bagi daerah terpilih. Program ini telah membabitkan 120 orang peserta daripada daerah dari negeri Sabah, iaitu Kota Belud, Tuaran dan Ranau. Pengisian untuk siri pertama ini menjurus kepada pembentukan sahsiah diri, pengukuhan nilai jatidiri, perancangan selepas menamatkan peperiksaan SPM dan penyelesaian masalah. Program pertama ini telah diadakan di Kem Bina Negara Kundasang, Sabah. Manakala program yang kedua telah dilaksanakan di INTAN Kampus Sabah, Kota Kinabalu, Sabah. Program kedua lebih fokus kepada teknik kemahiran belajar, teknik mengingat dan pengurusan masa. Fasa kedua program akan diadakan pada tahun 2020 yang akan memberikan perhatian kepada subjek-subjek teras peperiksaan SPM.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	KERJASAMA	PESERTA
1	Kem HOPE Sabah Siri 1	15-17/03/2019	Kem Bina Negara Kundasang, Sabah	PPD Ranau, PPD Tuaran & PPD Kota Belud	120
2	Kem HOPE Sabah Siri 2	11-13/10/2019	INTAN Kampus Sabah	PPD Ranau & PPD Kota Belud	106



Para peserta dan sukarelawan bergambar bersama selepas Program HOPE Siri 1 pada 15-17 Mac 2019



Program HOPE Siri 2 yang diadakan di INTAN Kampus Sabah pada 11-13 Oktober 2019

3.5 Program Bahasa Mandarin Komunikasi

Program ini telah bermula pada bulan April 2019 dan berakhir pada November 2019. Untuk makluman, program ini telah masuk tahun ketiga. Seramai 20 orang pelajar dari tahun 4 hingga 6 dari SK Selayang Bharu 1, Gombak, Selangor berjaya menamatkan program ini. SK Selayang Bharu 1 telah bersetuju menjadi tuan rumah dan guru-guru dari SJK (Cina) Selayang Baru pula bertanggungjawab menyediakan modul serta tenaga pengajar yang dipantau oleh Penyelaras Program (sukarelawan) dari SK Selayang Bharu 1.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	KERJASAMA	PESERTA
1	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 1	10/04/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
2	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 2	17/04/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
3	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 3	24/04/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
4	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 4	19/06/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
5	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 5	26/06/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
6	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 6	03/07/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
7	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 7	10/07/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
8	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 8	17/07/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
9	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 9	24/07/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
10	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 10	21/08/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
11	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 11	28/08/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
12	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 12	25/09/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
13	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 13	02/10/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
14	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 14	07/10/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
15	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 15	10/10/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
16	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 16	16/10/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
17	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 17	23/10/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
18	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 18	30/10/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
19	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 19	06/11/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
20	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 20	13/11/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
21	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 21	14/11/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20
22	Kelas Mandarin Komunikasi- Siri 22	18/11/2019	SK Selayang Bharu 1, Batu Caves	SJK Cina Selayang Bharu	20



Majlis penyampain sijil kepada peserta, guru Bahasa Mandarin dan SK Selayang Bharu 1, Gombak pada 22 November 2019



Para peserta Kelas Mandarin bergambar bersama sebelum mengadakan persembahan pada 18 November 2019

3.6 Program Bahasa Inggeris Komunikasi

Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan penguasaan komunikasi para peserta dalam Bahasa Inggeris dan menyediakan mereka untuk pembelajaran di IPT setelah menerima keputusan SPM. Peserta program ini terdiri daripada peserta yang pernah mengikuti program YATIM sebelum ini pada tahun 2018, iaitu Program HOPE dan LEAD.

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	KERJASAMA	PESERTA
1	English Camp For SPM Leavers' 2019	25-30/01/2019	Universiti Malaya, Kuala Lumpur	UM, TESL	32



Sesi suai kenal bersama fasilitator Program *English Camp* pada 25-30 Januari 2019



Peserta membentangkan hasil kumpulan ketika program *English Camp* pada 25-30 Januari 2019

3.7 Program Tajaan Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Pada tahun 2019, YATIM sebagai panel konsultan Lembaga Zakat Selangor telah melaksanakan 9 program Kem Pemantapan Diri untuk para asnaf yang sedang belajar pada tahun 5. Program-program ini membabitkan anak-anak asnaf dari 9 daerah di dalam negeri Selangor. Semua program ini berjaya dilaksanakan dengan bantuan para sukarelawan YATIM.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	KERJASAMA	PESERTA
1	Kursus Pemantapan Diri Tahun 5 Siri -1	26-28/07/2019	Kem Warisan Sg. Sembilang, K. Selangor	Daerah Klang	40
2	Kursus Pemantapan Diri Tahun 5 Siri -2	23-25/08/2019	Kem Bumi Jati, Kelang, Selangor	Daerah Hulu Langat	40
3	Kursus Pemantapan Diri Tahun 5 Siri -3	6-8/09/2019	Kem Bumi Jati, Kelang, Selangor	Daerah Kuala Langat	40
4	Kursus Pemantapan Diri Tahun 5 Siri -4	6-8/09/2019	El Azzhar Camp, Sepang	Daerah Sepang	40
5	Kursus Pemantapan Diri Tahun 5 Siri -5	13-15/9/2019	Kem Warisan Sg. Sembilang, K. Selangor	Daerah Petaling	40
6	Kursus Pemantapan Diri Tahun 5 Siri -6	20-22/9/2019	Haji Dorani Bayu Resort, Sabak Bernam	Daerah Kuala Selangor	40
7	Kursus Pemantapan Diri Tahun 5 Siri -7	27-29/9/2019	Zamita Resort, Sabak Bernam	Daerah Sabak Bernam	40
8	Kursus Pemantapan Diri Tahun 5 Siri -8	27-29/9/2019	Kalumpang Resort, Selangor	Daerah Hulu Selangor	40
9	Kursus Pemantapan Diri Tahun 5 Siri -9	4-6/10/2019	Kem Bumi Jati, Kelang, Selangor	Daerah Gombak	40



para peserta bergambar bersama para fasilitator dan wakil Lembaga Zakat Selangor sebaik tamat program



Para peserta Kem Pemantapan Diri (KPD), Lembaga Zakat Selangor sedang meraikan hari terakhir program

3.8 Program Khas

Perjumpaan Alumni ini diadakan untuk merapatkan lagi hubungan di antara pihak pengurusan YATIM bersama bekas peserta dan bekas fasilitator yang pernah berkhidmat bersama YATIM sebelum ini. Selain itu, YATIM ingin mengetahui perkembangan daripada mereka selepas mengikuti dan membabitkan diri dengan program yang telah diadakan oleh YATIM.


BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	KERJASAMA	PESERTA
1	Alumni Aidilfitri Reunion YATIM 2019	6/30/2019	Kem Alang Manja Gombak, Selangor	-	80



Alumni peserta program YATIM dan bekas fasilitator bergambar semasa perjumpaan pada 30 Jun 2019

4.0 Penyertaan

Seramai 3,029 orang pelajar telah mengikuti 77 program yang dianjurkan oleh YATIM sepanjang tahun 2019. Mereka terdiri daripada pelajar tahun 5 sekolah rendah sehinggalah pelajar tingkatan 5 sekolah menengah, pelajar lepasan SPM serta Alumni YATIM.



5.0 Penutup

YATIM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua institusi dan organisasi yang telah bekerjasama dan membantu YATIM dalam melaksanakan program-programnya. Sokongan berterusan pelbagai pihak adalah sebahagian dari kekuatan YATIM dalam memantapkan penganjuran program untuk meningkatkan potensi diri anak-anak yatim.

